

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI**

**(PADANG SERAI)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pada 4 Sept 2019, satu insiden tertembak telah berlaku di mana seorang pegawai tentera yang berpangkat Mejar Zahir Armaya telah meninggal dunia dalam satu aksi gimik sempena Pelancaran Divisyen Kelima Infantri Malaysia dan Briged Ke-13 Infantri Malaysia di Kem Lok Kawi, Sabah. Soalan saya, adakah pihak tentera mengikut SOP yang ditetapkan untuk sesuatu latihan dan demo pada masa kini.

**JAWAPAN**

Demonstrasi yang dilaksanakan semasa Pelancaran Divisyen Kelima Infantri dan Briged Ke-13 Infantri di Kem Lok Kawi, Sabah adalah mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) latihan yang telah ditetapkan. SOP yang diguna pakai adalah Prosedur Tetap Latihan Rejimen Ke-11, Gerak Khas - Bab 5 Seksyen 21 *Confident Shooting* dan Seksyen 22 *Body Armour Confident Shooting*.

Pihak Kementerian juga telah mewujudkan Lembaga Siasatan bagi menyiasat kejadian berkenaan dengan memfokuskan kepada semua aspek latihan sama ada sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan latihan. Sebarang kekurangan dan kelemahan *Standard Operating Procedure* (SOP) latihan akan dinilai dan dibuat penambahbaikan bagi membendung kejadian dari berulang.